

D.R. 27/2007

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Kerajaan Tempatan 1976.

BAHAWASANYA kebersihan ialah suatu perkara dalam Senarai Bersama dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan;

DAN BAHAWASANYA perkara - perkara yang berhubungan dengan pengurusan sisa pepejal terkawal dan pembersihan awam sekarang ini ditadbirkan oleh pelbagai pihak berkuasa tempatan;

DAN BAHAWASANYA dihasratkan supaya ada undang-Undang dan dasar yang seragani dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan pengurusan sisa pepejal terkawal dan pembersihan awam di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan;

DAN BAHAWASANYA bagi maksud keseragaman itu kuasa eksekutif dilelakhakkan pada Persekutuan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan pengurusan sisa pepejal terkawal dan pembersihan awam di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan melalui Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [*Akta*];

DAN BAHAWASANYA adalah suai manfaat Akta Kerajaan Tempatan 1976, suatu Akta yang diperbuat menurut Fasal (4) Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan, dipinda berbangkit daripada peletakhakan itu;

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, menurut Fasal (4) Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan, **DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut

Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kerajaan Tempatan (Pindaan) 2007.

(2) Akta ini terpakai bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Putrajaya

(3) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri berkenaan dengan sesuatu Negeri, selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri itu, melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh, selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri, menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan —

(a) bagi permulaan kuat kuasa Akta ini di kawasan pihak berkuasa tempatan yang berlainan atau bahagian-bahagian kawasan pihak berkuasa tempatan yang berlainan;

(b) bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini; atau

(c) bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini di kawasan pihak berkuasa tempatan yang berlainan atau bahagian-bahagian kawasan pihak berkuasa tempatan yang berlainan,

(4) Akta ini mula berkuat kuasa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya pemberitahuan dalam *Warta*.

(5) Walau apa pun subseksyen (3), Pihak Berkuasa boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*—

(a) mengecualikan mana-mana bahagian mana-mana kawasan pihak berkuasa tempatan daripada mana-mana atau kesemua peruntukan Akta ini;

(b) meluaskan mana-mana atau kesemua peruntukan dalam Akta ini supaya terpakai bagi keseluruhan atau mana-

mana kawasan atau bahagian mana-mana kawasan dalam Negeri itu yang bukan di bawah mana-mana pihak berkuasa tempatan; dan

- (b) membuat apa-apa ubah suaian, pindaan atau perubahan peruntukan dalam Akta ini sebagaimana yang perlu bagi maksud pemakaiannya di bawah perenggan (b)

Pindaan seksyen 72

2. Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akra 171*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam subseksyen 72(1) —

- (a) dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

"(a) untuk mengadakan, menyenggarakan dan menjalankan apa-apa perkhidmatan kebersihan bagi menguruskan effluen;" dan

- (b) dengan memotong subperenggan (f)(u).

Pindaan seksyen 73

3. Subseksyen 73(1) Akta ibu dipinda —

- (a) dengan menggantikan perenggan (a)(i) dengan yang berikut:

"(a) (i) untuk mengadakan, menyenggarakan dan memaksa penggunaan apa-apa perkhidmatan bagi menguruskan effluen dan untuk menghendaki pemunya atau penduduk mana-mana premis untuk melakikan urusan itu dan untuk mengawal selia dan mengawal caranya;"

- (b) dengan menggantikan perenggan (a)(ii) dengan perenggan yang berikut:

"(ii) untuk memelihara tempat awam supaya berada dalam keadaan bersih dan bebas daripada effluen dan untuk mclarang air simhahan atau cecair

4.

Rang Undang-Undang

buangan lain dibuangkan, dijatuhkan, diletakkan atau dikeluarkan ke mana-mana anak sungai, saluran atau alur air lain, dan menahan cecair itu daripada mengalir ke dalam mana-mana tempat itu, dan untuk mengawal selia atau melarang orang, binatang atau benda daripada dimandikan atau dibasuh di mana-mana tempat itu;" dan

(c) dengan memotong perenggan (d)(iii)

Kecualian

4. Bagi mengelakkan keraguan, diisytiharkan bahawa walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini, mana-mana undang undang yang berhubungan dengan pengurusan sisa pepejal terkawal dan pembersihan awam yang pada masa ini berkuat kuasa dalam mana-mana kawasan pihak berkuasa tempatan atau kawasan bukan pihak berkuasa tempatan hendaklah terus berkuat kuasa melainkan jika dan sehingga Akta ini dan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 dikuatkuasakan berkenaan dengan kawasan itu.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Kerajaan Tempatan 1976 ("Akta 171"). Pindaan ini adalah perlu berikutan dengan pembuatan suatu undang-undang mengenai pengurusan sisa pepejal terkawal dan pembersihan awam.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 72 Akta 171 untuk menghadkan kuasa pihak berkuasa tempatan kepada aktiviti pembersihan tertentu sahaja berikutan dengan pengambilalihan perkara yang berhubungan dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam oleh Kerajaan Persekutuan.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 73 Akta 171 berbangkit daripada keputusan untuk menghadkan kuasa sesuatu pihak berkuasa tempatan kepada aktiviti pembersihan tertentu sahaja.

5. *Fasal 4* mengandungi peruntukan kecualian.

Kerajaan Tempatan {Pindaan}

Rang Undang-Undaig ini akau mdibatkan K^rajaan dalam perbelanjaan wang lanibaban yang amaQnnya hclum dapal **ditentukan** sekarang **ini**.

IPN(U^J)2070]